

Logo halal Malaysia pada bungkus daging salai babi

SEPANG 28 Mac - Sebuah syarikat tempatan yang beroperasi di sebuah negeri di Pantai Timur Semenanjung dikesan menyalahgunakan logo halal Malaysia pada bungkus makanan keluaran produk daging babi untuk dieksport.

Lebih mengecewakan apabila nama produk yang ditulis dalam bahasa Mandarin tersebut membawa maksud 'daging babi salai pedas Melayu'.

Menurut Pengarah Bahagian Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Dr. Sirajuddin Suhaimi, pihaknya menerima aduan berhubung penyalahgunaan logo

halal Malaysia pada produk tersebut daripada orang awam yang membelinya di salah sebuah kedai di Ampang, Selangor.

"Selepas mendapat aduan berkaitan produk berkenaan kita telah meminta pihak bertanggungjawab untuk menterjemah tulisan Mandarin pada hadapan bungkus tersebut dan mendapati produk itu dihasilkan di sebuah kilang di sebuah negeri Pantai Timur berdasarkan alamat tertera.

"Bertindak atas maklumat, pasukan siasatan dihantar untuk mengesan kilang tersebut dan menjalankan siasatan lebih terperinci

pada produk berasaskan daging babi itu," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Konvensyen Badan Pensijilan Halal Kali Ketujuh, di sini hari ini.

Yang hadir sama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

Sirajuddin berkata, tulisan di bahagian depan bungkus tersebut menggunakan bahasa Thailand manakala di bahagian belakangnya pula menggunakan bahasa Mandarin.

Katanya, siasatan awal turut mendapati produk tersebut bukan untuk edaran tempatan sebaliknya dieksport ke pasaran Fujian, China dan Hong Kong.

54 badan pensijilan halal antarabangsa dapat pengiktirafan Jakim

Utusan
29/3/11

SEPANG 28 Mac - Sebanyak 54 badan pensijilan dari 32 negara dan empat pihak berkuasa negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah mendapat pengiktirafan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, badan pensijilan halal luar negara itu yang diiktiraf pihaknya merupakan sebuah institusi yang dilantik bagi mengesahkan status halal untuk bahan mentah, produk makanan, bahan ramuan kritikal, daging dan produk berasaskan haiwan yang diimport ke Malaysia.

Menurutnya, permintaan terhadap sijil halal jabatan tersebut sangat tinggi berikutan kredibilitinya yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan dipandang tinggi oleh masyarakat luar negara.

"Untuk mendapatkan pengiktirafan halal Jakim, sesuatu institusi itu perlu menjalani proses yang ketat kerana Jakim bukan hanya memberi fokus kepada aspek halal tetapi turut memberi perhatian



ASYRAF WAJDI DUSUKI

dari segi kebersihan.

"Selain itu, faktor sijil halal ini dikawal selia oleh kerajaan juga menjadi tarikan kepada pelbagai pihak untuk mendapatkan pengiktirafan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Badan Halal Ke-7, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, untuk tahun ini sahaja, Jakim menerima 25 permohonan badan antarabangsa untuk mendapatkan

pengiktirafan pensijilan halal.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya juga terpaksa membatalkan pengiktirafan kepada dua badan dari dua buah negara kerana gagal mematuhi syarat pensijilan halal.

"Jakim juga sentiasa melakukan audit yang berterusan ke atas badan yang mendapat pengiktirafan kami supaya status halal untuk setiap produk yang mendapat pengiktirafan kita tidak diragui tahap halal," katanya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai konvensyen selama dua hari itu, Asyraf Wajdi berkata, lebih 300 wakil delegasi dalam dan luar negara menyertai konvensyen tersebut bagi meningkatkan kefahaman mengenai standard halal Malaysia.

"Saya berharap perbincangan dalam konvensyen kali ini turut menyentuh soal halal dalam sistem perbankan Islam agar isu halal tidak hanya dilihat dari segi proses pengeluaran produk semata-mata, tetapi dilihat secara menyeluruh dan holistik," katanya.